

# Penterjemahan Isti‘arah Kepada Metafora Dalam Kajian-kajian Lepas

## *Translation of Isti‘arah to Metaphor in Previous Studies*

Nabilah Halim<sup>1</sup>, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;  
<sup>2</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

### Article progress

Accepted: 07 Jan 2020

Reviewed: 07 Feb 2020

Published: 31 Mei 2020

\*Corresponding author:  
Nabilah Halim, Pusat Kajian  
Bahasa Arab dan Tamadun  
Islam, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 43600 Bangi,  
Selangor, Malaysia.  
Emel:  
nabilahalim94@gmail.com

**Abstrak:** Penggunaan gaya bahasa isti‘arah sering dirujuk sebagai metafora dalam retorik bahasa Melayu. Meskipun begitu, pemerhatian awal mendapati gaya bahasa ini turut diterjemahkan sebagai personifikasi, depersonifikasi dan hiperbole. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membincangkan penterjemahan isti‘arah daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas, dengan menganalisis ciri-ciri perbezaan antara isti‘arah dan metafora yang terdapat dalam kajian-kajian lepas, serta mengesan kecenderungan sarjana menterjemahkan istilah isti‘arah daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap buku, tesis, disertasi, artikel jurnal, makalah dalam prosiding dan sebagainya dalam proses pengumpulan data. Data-data yang dikumpul kemudian dianalisis secara deskriptif dengan menggabungkan beberapa pandangan dan dapatan kajian-kajian lepas bagi menghasilkan satu gambaran yang komprehensif berkaitan penterjemahan isti‘arah. Hasil kajian mendapati isti‘arah tasrihiyyah mempunyai unsur metafora manakala isti‘arah makniyyah mempunyai unsur personifikasi dan depersonifikasi. Isti‘arah secara umumnya boleh dirujuk sebagai metafora kerana gaya bahasa personifikasi dan depersonifikasi juga merupakan sebahagian daripada metafora. Mengeneralisasikan metafora kepada isti‘arah adalah wajar dan sesuai kerana kedua-duanya membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain.

**Kata kunci:** penterjemahan; isti‘arah; metafora; personifikasi; retorik

**Abstract:** The usage of isti‘arah style is often referred to as a metaphor in Malay rhetoric. However, past studies have found that this language style is also translated as personification, depersonification and hyperbole. Therefore, this study is conducted to discuss the translation of isti‘arah from Arabic to Malay language in previous studies, by analyzing the characteristics of the differences between isti‘arah and metaphor found in the studies, and to detect the tendency of scholars in translating the term isti‘arah from Arabic to Malay language. This is a qualitative study using content analysis method on books, theses, dissertations, journal articles, papers in proceedings and others in the data collection process. The data collected are then analyzed descriptively by combining some views and findings of previous studies to produce a comprehensive overview of isti‘arah translation. The results of this study show that isti‘arah tasrihiyyah has metaphorical element while isti‘arah makniyyah has personification and depersonification elements. Isti‘arah can generally be referred to as a metaphor because the styles of personification and depersonification are also part of the metaphor. The generalization of metaphor to isti‘arah is reasonable and appropriate as they compare things to something else.

**Keywords:** translation; isti‘arah; metaphor; personification; rhetoric

## Pengenalan

Ilmu Retorik Arab yang dikenali sebagai ilmu Balaghah mempunyai tiga bidang ilmu, iaitu ilmu al-Ma'ani, ilmu al-Bayan dan ilmu al-Badi'. Ilmu Balaghah inilah yang menghiasi keindahan seni bahasa al-Quran al-Karim. Oleh itu, ilmu Balaghah sangat penting untuk dipelajari kerana tanpa ilmu Balaghah akan menyukarkan seseorang itu memahami makna tersirat selain yang tersurat dalam ayat-ayat al-Quran. Ilmu Balaghah bukan sahaja menghiasi keindahan seni bahasa al-Quran yang menyerlahkan kemukjizatannya, tetapi turut menghiasi keindahan seni bahasa karya-karya kreatif seperti syair, novel dan cerpen. Keindahan seni bahasa yang dimaksudkan ialah ayat-ayat berbentuk figuratif atau bahasa kiasan yang mengandungi makna yang berbeza daripada makna asal perkataan tersebut seperti tashbih, majaz mursal, isti'arah dan kinayah yang dikategorikan dalam ilmu al-Bayan. Oleh itu, banyak kajian telah dilakukan bagi meneliti persamaan dan perbezaan ungkapan Balaghah dengan ungkapan retorik yang lain. Kajian dilakukan bertujuan memudahkan pemahaman setiap lapisan masyarakat yang mendalamai ilmu Balaghah. Berdasarkan kajian-kajian lepas, antara elemen ilmu Balaghah yang sering diberi perhatian ialah elemen isti'arah. Menurut Roslan et al. (2012), isti'arah mempunyai kedudukan yang tinggi dalam retorik bahasa Arab dan memerlukan kepada daya fikir yang kritis untuk mentafsirkan dan menjelaskan makna sebenar di sebalik lafadz berbentuk Majaz.

Dalam retorik bahasa lain, isti'arah dikenali dengan gaya bahasa metafora kerana kedua-duanya merupakan gaya bahasa perbandingan. Walau bagaimanapun, masih terdapat perbezaan di antara isti'arah dengan metafora seperti yang dibincangkan oleh para pengkaji lepas. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati pengkaji-pengkaji lepas memadankan konsep isti'arah dengan gaya bahasa metafora, personifikasi, depersonifikasi dan hiperbola. Antara kajian yang terlibat ialah kajian Ridwan (2007), Yayan Nurbayan (2010) dan Danial Hilmi (2016).

Bertitik tolak daripada kepelbagaiannya gaya bahasa yang terdapat dalam ungkapan isti'arah, pengkaji berpendapat adalah wajar untuk menjalankan satu kajian tinjauan literatur dengan menggabungkan beberapa pandangan dan dapatkan kajian lepas bagi menghasilkan satu gambaran yang komprehensif berkaitan penterjemahan isti'arah daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan atas beberapa tujuan. Antaranya ialah: (1) untuk membincangkan penterjemahan isti'arah dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas; (2) untuk menganalisis ciri-ciri perbezaan antara isti'arah dengan metafora yang terdapat dalam kajian-kajian lepas; dan (3) untuk mengesan kecenderungan sarjana

menterjemahkan istilah isti'arah dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan data. Data dikumpul daripada buku, tesis, disertasi, artikel jurnal, makalah dalam prosiding dan sebagainya. Data yang diperoleh kemudian dianalisis secara deskriptif.

### Definisi Isti'arah

Isti'arah merupakan salah satu elemen daripada ilmu al-Bayan. Isti'arah dari sudut bahasa bermaksud peminjaman, yang berasal daripada perkataan al-'aariyah (Ibnu Manzur, 1968: 618). Isti'arah dari sudut istilah pula ialah penggunaan perkataan bukan pada makna asalnya kerana wujud hubungan mushabahah (saling menyerupai) antara makna asal dengan makna kiasan dan disertai dengan qarinah (penanda) yang menghalang penggunaan makna asal (Al-Hashimi, 1999: 258). Ini dapat dijelaskan melalui contoh berikut:

رأيَثُ أَسْدًا فِي الْمَدْرَسَةِ.

Terjemahan: Saya melihat singa di sekolah.

Pada contoh di atas, terdapat perkataan yang digunakan secara majazi atau kiasan, iaitu pada perkataan singa. Singa disini bukanlah dimaksudkan dengan haiwan singa, tetapi dimaksudkan dengan seorang lelaki yang berani. Sifat berani seekor singa telah disandarkan kepada seorang lelaki yang berjiwa pemberani. Hubungan persamaan 'berani' inilah yang disebutkan sebagai mushabahah, dan qarinah yang menghalang daripada dimaksudkan dengan makna asal singa ialah perkataan sekolah. Ini adalah disebabkan mustahil bagi pemikiran logik manusia untuk seekor singa berada di sekolah. Ayat asalnya adalah dalam bentuk tashbih seperti berikut:

رأيَثُ رَجُلًا شَجَاعًا كَالْأَسَدِ فِي الْمَدْرَسَةِ.

Terjemahan: Saya melihat seorang lelaki yang berani seperti singa di sekolah.

Perkataan yang menunjukkan mushabahah (الشَّجَاعَةُ)، adat al-tashbih (الْأَسَدُ) dan wajh al-shabah (الْمَدْرَسَةُ) telah digugurkan. Kesimpulan daripada contoh di atas, isti'arah merupakan tashbih baligh (tashbih yang dibuang wajh al-shabah dan adat al-tashbih) yang digugurkan salah satu daripada dua rukun utamanya, iaitu mushabbah atau mushabbah bih. Melihat kepada pengguguran mushabbah atau mushabbah bih ini, isti'arah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu isti'arah tasrihiyyah dan isti'arah makniyyah (Ahmad Qasim & Muhyi al-Din, 2003: 198). Isti'arah tasrihiyyah ialah isti'arah yang dinyatakan mushabbah bih dan digugurkan mushabbah, manakala isti'arah makniyyah ialah isti'arah

yang dinyatakan mushabbah dan digugurkan mushabbah bih, dan sebagai isyarat ditetapkan salah satu sifat khas bagi mushabbah bih yang digugurkan itu. Terdapat tiga rukun yang membentuk isti'arah ('Abbas, 2005: 164 & Al-Hashimi, 1999: 258), iaitu:

- Musta'ar minh, iaitu makna yang dipinjam darinya atau mushabbah bih.
- Musta'ar lah, iaitu makna yang dipinjamkan kepadanya atau mushabbah.
- Musta'ar, iaitu lafaz yang dipinjamkan.

Walau bagaimanapun, pengguguran mushabbah dan mushabbah bih ini masih menimbulkan kesulitan kepada sesetengah pelajar dalam memahami konsep isti'arah. Hal ini disebabkan tiada penjelasan yang konkret terkait dengan pengalaman mereka (Danial Hilmi, 2016). Oleh itu, para sarjana bidang sastera bandingan mahupun sastera terjemahan cuba mengetengahkan permasalahan ini dengan menyuaipadankan bentuk ungkapan isti'arah dengan ungkapan yang terdapat dalam retorik bahasa sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, wujudnya pengistilahan metafora bagi menjelaskan konsep isti'arah seperti yang telah dibincangkan oleh kebanyakan sarjana. Antaranya ialah Mohamad Syukri & Mohammad (2014), Saifulah et al. (2015) dan Mubaiddillah (2017).

## Penterjemahan Isti'arah Berdasarkan Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa unsur gaya bahasa dalam terjemahan isti'arah. Di sini, pengkaji membahagikan kepada dua tema utama, iaitu: (1) tinjauan dari segi fungsi; dan (2) tinjauan dari segi tujuan.

### Tinjauan dari Segi Fungsi

Terdapat beberapa gaya bahasa yang dikatakan mempunyai persamaan fungsi dengan isti'arah. Antara kajian yang berkaitan adalah seperti berikut:

**Jadual 1. Contoh tinjauan isti'arah dari segi fungsi**

Bil.	Teks sumber	Teks terjemahan
1	أَحْلَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفِيفَ إِلَيْيَنِسَاكُمْ هُنَّ لِيَسَّ لَكُمْ وَالثُّمَّ لِيَسَّ لَهُنَّ [Al-Baqarah 2: 187] (Roslan et al., 2012)	"Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai

2	نَدَّ عَنِ الْغَرَاءِ فِيهِ وَقَدْ لَدَمْعٌ مِنْ مُقْلَنِكَ قَوْدُ الْخَنِيبِ [Diwan Abi Tammam, 1982: 117] (Nazri et al., 2015)	pakaian bagi mereka."
3	فَدِيمُتُ مِنْ شَمْسٍ إِذَا حِبِّتْ بَدَتْ مِنْ ثُورٍ هَا فَكَانَهَا لَمْ تُحِبِّ [Diwan Abi Tammam, 1982: 95] (Nazri et al., 2015)	"Berjalanlah darimu kesabaranku dalamnya (atas bumi), dan berjalanlah air mata itu daripada kedua-dua matamu (seumpama) perjalanan yang jauh."
4	الَّذِينَ يَقْضِنُونَ عَنْهُ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِبْلَاقِهِ وَيَقْطُلُونَ مَا أَمْرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوَصَّلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ [Al-Baqarah 2: 27] (R. Edi Komarudin, 2017)	"(Iaitu) orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan, dan mereka pula membuat kerusakan dan bencana di muka bumi."
5	وَاللَّيلُ إِذَا يَسِرٌ [Al-Fajr 89: 4] (Muhammad Hafidz, 2018)	"Dan malam, apabila ia berlalu."
6	وَأَخْلُلُ عَذْهَةَ مَنْ لَسَانَى [Taha 20: 27] (Muhammad Hafidz, 2018)	"Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku."
7	الْقَرِيَةَ ثَضُّمْ إِلَى صَدْرِهَا الْخُلُونَ الصَّالِحِينَ وَالظَّالِمِينَ [Layl al-Hayara, 1988: 133] (Maheram, 2008)	"Kampung yang mengandungi perasaan belas kasihan orang-orang baik dan orang-orang jahat." (Kasih dan Harapan, 1995: 39)

Pada contoh pertama, Roslan et al. (2012) mengelaskan ayat tersebut kepada gaya bahasa metafora. Ayat ini merupakan satu bentuk isti'arah yang membandingkan setiap pasangan suami isteri sebagai pakaian kerana pakaian itu meliputi seluruh tubuh pemakainya dan dapat mengawal tubuhnya daripada sebarang kekotoran dan sebagainya. Perkataan pakaian (لباس) dipinjamkan bagi menunjukkan kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain.

Pada contoh kedua, Nazri et al. (2015) telah mengklasifikasikan isti'arah tersebut kepada gaya bahasa personifikasi manakala pada contoh ketiga diklasifikasikan kepada gaya bahasa metafora implisit. Kurangnya kajian ini ialah Nazri et al. (2015) tidak

menyatakan jenis-jenis isti'arah dengan jelas. Beliau tidak menyatakan gaya bahasa personifikasi mempunyai persamaan fungsi dengan isti'arah tasrihiyyah atau isti'arah makniyyah, begitu juga dengan gaya bahasa metafora implisit. Jika diperhalusi, isti'arah yang dipaparkan pada contoh kedua ialah isti'arah makniyyah kerana digugurkan mushabbah bih (manusia) dan digantikan dengan suatu ciri atau sifat kelaziman bagi manusia, iaitu berjalan. Ini menunjukkan isti'arah makniyyah mempunyai persamaan fungsi dengan gaya bahasa personifikasi kerana kesabaran digambarkan sebagai mampu berjalan seperti manusia. Pemberian sifat manusia kepada sesuatu yang abstrak seperti sabar menyerupai fungsi gaya bahasa personifikasi dalam retorik bahasa Melayu. Namun begitu, pemberian sifat berjalan ini dianggap melampaui batas pemikiran yang logik menyebabkan Nazri et al. (2015) turut mengklasifikasikannya sebagai gaya bahasa hiperbola. Pengkaji tidak bersetuju dengan pengklasifikasian gaya bahasa hiperbola ini kerana ungkapan berjalan di sini bukanlah suatu perlambangan yang melampau, tetapi merupakan pemberian sifat manusia kepada benda yang tidak bernyawa. Manakala pada contoh ketiga, isti'arah yang dipaparkan ialah isti'arah tasrihiyyah kerana mushabbah (wanita) disembunyikan dan dinyatakan mushabbah bih (mentari) dengan jelas. Pengguguran mushabbah pada isti'arah tasrihiyyah dilihat mempunyai persamaan konsep dengan gaya bahasa metafora implisit.

Pada contoh keempat, R. Edi Komarudin (2017) menjelaskan isti'arah pada ayat tersebut telah menyamakan perjanjian dengan tali atau ikatan. Tetapi kata tali dibuang dan digantikan dengan suatu yang lazim baginya, iaitu kata (بنقضون) yang bermaksud memutuskan atau menguraikan simpulan yang telah terjalin. Penggantian suatu sifat bagi mushabbah bih (tali) yang dibuang secara tidak langsung menggolongkan ayat ini kepada isti'arah makniyyah. Begitu juga dengan pemberian sifat mengurai yang lazimnya mampu dilakukan oleh manusia menjadikan ayat ini sebagai gaya bahasa personifikasi.

Pada contoh kelima, Muhammad Hafidz (2018) telah menyatakan ayat tersebut sebagai isti'arah makniyyah dan personifikasi kerana kedua-duanya mempunyai persamaan dengan memberikan sifat manusia kepada sesuatu yang abstrak, benda-benda tidak bernyawa dan haiwan. Ini boleh dijelaskan melalui peminjaman ciri-ciri manusia berdasarkan kata (يس) yang bermaksud berlalu kepada malam. Manakala pada contoh keenam, Muhammad Hafidz (2018) mengklasifikasikan ayat tersebut kepada isti'arah tasrihiyyah yang mempunyai persamaan konsep dengan metafora. Kata (عَدَة) yang dimaksudkan disini bukanlah simpulan, tetapi aib lisan. Pelepasan aib diserupakan seperti melepaskan simpulan tali.

Pada contoh ketujuh, Maheram (2008) menjelaskan ayat tersebut sebagai personifikasi kerana perkataan kampung (*القرية*) diibaratkan seperti manusia yang merangkul dan memeluk orang yang baik dan juga orang yang jahat ke dadanya. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini sedikit berbeza daripada dapatan kajian lain. Perbezaan tersebut adalah dari segi penggunaan istilah gaya bahasa personifikasi dalam bahasa Arab. Maheram (2008) menyatakan gaya bahasa personifikasi dalam bahasa Arab ialah uslub tashkhis atau tajsid. Uslub atau gaya bahasa tashkhis merupakan satu bentuk kiasan yang memberikan sifat manusia kepada benda-benda yang tidak bernyawa, atau secara mudahnya dapat diertikan sebagai gaya bahasa peng'orang'an atau penginsanan. Atiq (1985: 171) menjelaskan sebilangan ulama Balaghah menamakan isti'arah makniyyah dengan isti'arah tashkhis (*الاستعارة التشخيص*), iaitu pemberian sifat manusia kepada sesuatu yang abstrak. Ini menunjukkan Maheram (2008) tidak berbeza pandangan dengan 'Atiq (1985) yang mengatakan adanya istilah lain bagi isti'arah makniyyah, iaitu isti'arah tashkhis.

### Tinjauan dari Segi Tujuan

Roslan et al. (2012) dan R. Edi Komarudin (2017) meninjau tujuan gaya bahasa isti'arah dalam al-Quran. Berdasarkan dapatan kedua-dua kajian, dapat dirumuskan bahawa gaya bahasa isti'arah memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan mesej dengan lebih berkesan berbanding penggunaan gaya bahasa yang lain. Isti'arah tasrihiyyah dan isti'arah makniyyah yang dibincangkan dalam kedua-dua kajian bertujuan sebagai pengukuhan mubahaghah (hiperbola), penjelasan kepada sesuatu yang samar, dan pemberian sifat kepada sesuatu yang abstrak (personifikasi). Berikut merupakan contoh bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan:

### Jadual 2. Contoh tinjauan isti'arah dari segi tujuan

Bil.	Teks sumber	Teks terjemahan
8	اهْبِئَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ [Al-Fatiyah 1: 6] (Roslan et al., 2012)	“Tunjukkanlah kami jalan yang lurus.”
9	يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ خَلَالًا طَيْبًا وَلَا تَنْتَغِي حُطُوطَ السَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عُذُورٌ مُّبِينٌ [Al-Baqarah 2: 168] (Roslan et al., 2012 & R. Edi Komarudin, 2017)	“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan.”
10	أَوْلَئِكَ الَّذِينَ اشْرَقُوا الصَّنَاعَةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَدَابَ بِالْمُغْفِرَةِ فَمَا أَصْبَرُوهُمْ عَلَى النَّارِ	“Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan

[Al-Baqarah 2:175] (Roslan et al., 2012 & R. Edi Komarudin, 2017) petunjuk dan seksa dengan pengampunan, maka alangkah beraninya mereka menentang api neraka.”

Pada contoh kelapan, lafaz majazinya adalah pada (الصراط المستقيم) iaitu jalan yang lurus. Jalan yang lurus di sini merujuk kepada agama yang benar, iaitu Islam. Tujuannya adalah untuk menguatkan dan menetapkan bahawa hukum syariah Islam sahaja yang berada di pihak yang benar (Al-Zamakhshari, 2009: 29). Jelas di sini bahawa isti‘arah berperanan sebagai penguat kepada maksud sesuatu ayat yang ingin disampaikan (Nurul Ashiqin, 2014). Menurut Ibnu Jinni, isti‘arah disebut Haqiqah jika tidak dijadikan untuk Mubalaghah (Roslan et al., 2012).

Isti‘arah pada contoh kesembilan pula dapat diambil dari lafaz (خطوات الشيطان) iaitu jejak langkah syaitan. Kalimah (خطوة) dari mufrad (خطوة) iaitu antara dua telapak kaki si pejalan kaki. Ada juga pendapat mengatakan kalimah ini berasal daripada (الخطأ، الخطيبة) dengan makna kesalahan. Hal ini bermakna huruf “و” adalah berasal daripada huruf hamzah “ء” (Al-Alusi, 1985: 39). Oleh itu, lafaz (خطوات الشيطان) ditafsirkan sebagai was-was terhadap perkara yang dilakukan, iaitu bisikan dari syaitan (Ibn Mulaqqin, 1987: 70). Perbandingan tingkah laku yang buruk sebagai ikutan kepada jejak langkah syaitan menunjukkan berlakunya peminjaman sifat yang dimiliki manusia kepada syaitan yang bersifat ghaib (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 71).

Isti‘arah pada contoh kesepuluh adalah pada perkataan membeli (اشتروا). Menurut al-Alusi (1985), ayat tersebut mengisahkan tentang mereka yang menyembunyikan kebenaran kitab suci al-Quran dan membeli kesesatan dengan petunjuk, iaitu menukar petunjuk (hidayah) dengan kepentingan duniawi semata-mata. Mereka juga menukar azab dengan keampunan, iaitu mereka lebih memilih azab neraka daripada keampunan Allah. Ayat tersebut menggunakan lafaz yang sesuai berkaitan jual beli dan jual beli mereka mendapat kerugian di dunia dan akhirat (Al-Alusi, 1985: 44). Ungkapan isti‘arah yang digunakan mampu digambarkan dengan jelas oleh fikiran manusia tentang keadaan kerugian seperti yang berlaku dalam urusan jual beli manusia di dunia.

Kesemua contoh isti‘arah yang ditinjau dari segi tujuan merupakan isti‘arah tasrihiyyah yang membawa kesan membenarkan dakwaan dengan melebih-lebihkan (mubalaghah) ungkapan, memperjelas sesuatu yang samar dan memberikan sifat kepada sesuatu yang abstrak. Setelah diteliti dengan lebih lanjut, isti‘arah tasrihiyyah bukan sahaja mempunyai unsur metafora, malah turut mempunyai unsur hiperbola dan

personifikasi seperti yang dibincangkan. Justeru, jelaslah bahawa gaya bahasa isti‘arah mempunyai tujuannya yang tersendiri dan bukan semata-mata datang untuk mengindahkan sesebuah teks, khususnya al-Quran.

### Perbezaan Istilah Isti‘arah dan Metafora

Perbezaan antara isti‘arah dan metafora dapat diringkaskan seperti jadual berikut:

**Jadual 3. Perbezaan antara isti‘arah dengan metafora**

Aspek	Isti‘arah	Metafora
Takrif	Penggunaan perkataan bukan pada makna asalnya kerana wujud hubungan persamaan antara makna asal dengan makna kiasan dan disertai dengan qarinah (penanda) yang menghalang penggunaan makna asal (Al-Hashimi, 1999: 258).	Pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (Kamus Dewan, 2007: 1029).
Kelompok	Majaz lughawi (Al-Sakkaki, 1983: 362).	Gaya bahasa perbandingan dan diklasifikasikan sebagai “Bahasa Kiasan Bukan Peribahasa”, iaitu kiasan yang tidak menggunakan kata-kata perbandingan bagi, seperti, seolah-olah, ibarat, seakan-akan, laksana, bak, macam dan umpama (Abdullah & Ainun, 1993).
Jenis-jenis	Pada dasarnya terbahagi kepada dua jenis, iaitu isti‘arah tasrihiyyah dan isti‘arah makniyyah (Al-	Dapat dibahagikan kepada beberapa jenis seperti simpulan bahasa, idiom, sinekdoki, metonimi, personifikasi dan

	Jarim & Mustafa Amin, 1999).	depersonifikasi. (Hassan, 2003).
Isti'arah tasrihiyyah	Metafora implisit (Nazri et al., 2015).	
Isti'arah makniyyah	Personifikasi dan depersonifikasi (Danial, 2016).	
<b>Komponen pembentukan</b>	1. Musta'ar lah (Mushabbah) 2. Musta'ar minh (Mushabbah bih) 3. Musta'ar (Makna yang dipinjamkan) (Al-Hashimi, 1999)	1. Tenor (Objek) 2. Vehicle (Imej) 3. Ground (Titik persamaan) (Newmark, 1981)
<b>Tujuan</b>	1. Melebih-lebihkan (mubalaghah) atau sebagai penguat kepada maksud sesuatu ungkapan 2. Memperjelas sesuatu yang samar 3. Memberikan sifat kepada sesuatu yang abstrak (Roslan et al., 2012).	1) Menggerakkan imaginasi pembaca atau pendengar (Hassan, 2003).

Gaya bahasa isti'arah merupakan antara penyumbang kepada kemukjizatan al-Quran kerana gaya bahasanya yang ringkas tetapi sarat dengan makna yang tersirat memerlukan kepada perhalusan makna agar dapat ditakwil atau ditafsirkan dengan benar. Berdasarkan ringkasan di atas, jelas menunjukkan bahawa tidak ada istilah khusus bagi isti'arah dalam retorik bahasa lain, dan istilah yang paling hampir padanannya ialah istilah metafora.

Metafora lazimnya terdiri daripada dua bahagian; satu bersifat konkret dan satu lagi bersifat abstrak. Misalnya, metafora kaki hari (Maniyamin Ibrahim, 2006: 45). Dua bahagian inilah yang disebut sebagai 'tenor' dan 'vehicle'. 'Tenor' ialah objek yang dibanding, dan 'vehicle' ialah objek untuk membanding. Konsep yang sama namun dengan pengistilahan yang

berbeza telah diajukan oleh Newmark (1981). Newmark menyebutnya dengan objek untuk pendefinisian yang sama dengan 'tenor' dan imej untuk 'vehicle'. Dalam contoh di atas, kaki ialah 'tenor' dan hari ialah 'vehicle'. Terdapat tiga cara penggunaan 'tenor' dan 'vehicle', iaitu:

- i. satu 'tenor' dengan satu 'vehicle'.
- ii. kombinasi beberapa unsur 'tenor' dengan satu 'vehicle' atau sebaliknya.
- iii. menghilangkan satu daripada dua unsur tersebut, sama ada menghilangkan 'tenor' atau 'vehicle'. Metafora jenis ini disebut juga metafora implisit.

Penggunaan yang ketiga dengan menghilangkan 'tenor' yang berperanan sebagai mushabbah jelas menunjukkan bahawa metafora implisit mempunyai persamaan konsep dengan isti'arah tasrihiyyah. Sementara itu, penggantian suatu sifat atau ciri-ciri khas bagi mushabbah bih yang dibuang dalam isti'arah makniyyah memberi persamaan konsep dengan personifikasi dan depersonifikasi. Oleh itu, untuk mengetahui metafora menurut ilmu Balaghah perlulah diketahui dan diperhalusi setiap bentuk dan ciri-ciri yang terdapat dalam struktur uslub tashbih. Hal ini disebabkan ilmu Balaghah mempunyai pembahagian yang lebih khusus berbanding ilmu retorik bahasa lain yang lebih umum. Dalam ilmu Balaghah, metafora merupakan ilmu-ilmu yang terdapat di bawah pembahagian ilmu al-Bayan, iaitu tashbih, majaz mursal, isti'arah dan kinayah (Siti Sarah & Mohd Yakub @ Zulkifli, 2012). Umumnya, ilmu al-Bayan ialah metafora.

Akhir sekali, isti'arah dan metafora bukan sahaja digunakan sebagai bunga-bunga bahasa untuk memperindahkan ungkapan, tetapi digunakan juga untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih berkesan.

## Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa isti'arah tasrihiyyah dapat diterjemahkan sebagai gaya bahasa metafora dan isti'arah makniyyah sebagai gaya bahasa personifikasi dan depersonifikasi. Isti'arah adalah wajar dirujuk sebagai metafora, iaitu penggunaan bahasa kiasan yang mengandungi perbandingan secara tersirat sebagai pengganti kata atau ungkapan lain untuk melukiskan kesamaan atau kesejajaran makna di antaranya. Tambahan lagi, kedua-duanya juga membandingkan dua hal tanpa menggunakan kata-kata perbandingan seperti, bagai, umpama dan sebagainya.

Kajian ini telah memperlihatkan perbezaan antara isti'arah dan metafora secara komprehensif dan diharapkan dapat memberi implikasi yang baik kepada pihak berkaitan, khususnya kepada pelajar dan pengajar. Perbandingan ini merupakan satu langkah permulaan untuk memahami konsep serta peranan terhadap

penggunaan kedua-dua gaya bahasa kepada pembaca. Kecenderungan penggunaan istilah metafora bagi menterjemahkan konsep isti'arah dilihat bersesuaian dan wajar. Kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan pandangan ke arah memperkenalkan Retorik Arab-Melayu. Pengkaji juga berharap agar pengkaji-pengkaji akan datang dapat melipatgandakan usaha dalam memperkemaskan lagi bidang Retorik Arab-Melayu ini dengan lebih lanjut.

## Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana Geran Galakan Penyelidik Muda (kod projek: GGPM-2013-016) dan Geran Universiti Penyelidikan (kod projek: GUP-2015-016).

## Rujukan

- 'Abbas, Fadl Hasan. (2005). *Al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*. 'Amman: Dar al-Furqan.
- Abdullah Hassan & Ainun Muhammad. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Qasim, Muhammad & Muhyi al-Din Dib. (2003). *'Ulum al-Balaghah*. Lubnan: Al-Muassasah al-Haditsah lil Kitab.
- Al-Alusi al-Baghdadi. (1985). *Tafsir Ruh al-Ma'ani*. (Jzk.1-2). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Hashimi, Al-Sayyid Ahmad. (1999). *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Jarim, Ali & Mustafa Amin. (1999). *Al-Balaghah al-Wadiyah*: Al-Bayan wa al-Ma'ani wa al-Badi' lil Madaris al-Thanawiyah. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Sakkaki, Al-Imam Abi Ya'akub Yusuf bin Abi Bakar Muhammad bin 'Ali. (1983). *Miftah al-'Ulum*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zamakhshari, Abi al-Qasim Jar Allah Mahmud bin 'Umar. (2009). *Tafsir al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- 'Atiq, 'Abd al-'Aziz. (1985). *Ilmu al-Bayan*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Danial Hilmi. (2016). Analisis Kontrastif Majaz Bahasa Arab-Indonesia dan Implikasinya dalam Pembelajaran Ilmu Bayan. *Al-Lubab Jurnal Penelitian Pendidikan dan Keagamaan Islam*. 3(2): 1-55.
- Hassan Ahmad. (2003). Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya. *Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan*.
- Ibnu Manzur, Abi al-Fadhl Jamal al-Din Muhammad. (1968). *Lisan al-'Arab* (Jld. 4). Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibnu Mulaqqin, Siraj al-Din Abi Hafs 'Umar bin Abi al-Hasan Ali bin Ahmad al-Nahwi al-Ansari al-Syafi'i al-Ma'ruf Ibnu Mulaqqin. (1987). *Tafsir Gharib al-Quran*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maheram Ahmad. (2008). Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Maniyamin Haji Ibrahim. (2006). *Gaya Bahasa Kiasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohamad Syukri Abd Rahman & Mohammad Bin Seman. (2014). Metafora al-Isti'arah dalam Hadis Rasulullah S.A.W: Tumpuan Terhadap Hadis-Hadis Kitab Riyad al-Salihin. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak*. 7(1): 7-33.
- Mubaiddillah. (2017). Memahami Isti'arah dalam al-Quran. *Nur El-Islam*. 4(2): 130-141.
- Muhammad Hafidz. (2018). Memahami Balaghah Dengan Mudah. *TA'LIMUNA*. 7(2): 129-145.
- Nazri Atoh, Zamri Arifin & Zubir Idris. (2015). Analisis Ungkapan Perbandingan dalam Diwan Abi Tammam dan Syair Siti Zubaidah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 6(1): 118-136.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Nurul Ashiqin Jaafar. (2014). Penggunaan Tasybih dan Isti'arah dalam Cerpen Arab dan Melayu: Satu Perbandingan. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- R. Edi Komarudin. (2017). Isti'arah dan Efek Yang Ditimbulkannya dalam Bahasa al-Quran Surah al-Baqarah dan Ali Imran. *Jurnal al-Tsaqafa*. 14(1): 213-234.
- Ridwan. (2007). Peminjaman Kata (Isti'arah) dalam al-Quran. *Jurnal El-Harakah*. 9(3): 225-242.
- Roslan Ab Rahman, Hashim Mat Zin, Md Nor Abdullah & Hasan Al-Banna Mohamed. (2012). Keindahan Gaya Bahasa al-Quran: Suatu Tinjauan Isti'arah dalam Juzuk Kedua. *'Ulum Islamiyyah Journal*. 9(1): 1-24.
- Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Muhd Zulkifli Ismail. (2015). Peranan Kitab Shuruh al-Hadis dalam Penterjemahan Metafora Fokus Kepada Kitab Dalil al-Falihin. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit*. 9(1): 7-20.
- Siti Sarah Izham & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. (2012). Penggunaan Gaya Bahasa Metafora dalam al-Quran: Satu Tinjauan

- Awal. Proceedings of the 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, hlm. 143-153. Kuala Lumpur.
- Wahbah al-Zuhaili. (1991). *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. (Jzk. 1). Kaherah: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Yayan Nurbayan. (2010). Pengembangan Materi Ajar Balaghah Berbasis Pendekatan Kontrastif. *Jurnal Bahasa dan Seni*. 38(1): 107-116.